



Kos rawat penagih RM778 juta

KUALA LUMPUR – Kerajaan menanggung sebanyak RM778.5 juta untuk kos merawat penagih dadah di 57 buah pusat pemulihan seluruh negara dari tahun 2011 hingga 2016.

Pegawai Perhubungan Awam Agensi Antidadah Kebangsaan, Salehuddin Klewan berkata, kos yang tinggi itu adalah disebabkan perbelanjaan rawatan yang semakin meningkat setiap tahun.

“Pada 2016, perbelanjaan untuk memulihkan penagih dadah di semua pusat pemulihan mencecah sehingga RM144 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM134.7 juta.

“Perbelanjaan itu merangkumi gaji pegawai dan kakitangan, bayaran utiliti, sewaan bangunan serta peralatan, pembelian bahan makanan termasuk kos minuman serta bayaran perkhidmatan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



SALEHUDDIN



MOHD. YUNUS

Beliau mengulas tentang perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan bagi memulihkan 131,841 penagih dadah di negara ini.

Kosmo! kelmarin melaporkan penagih dadah di negara ini sanggup membelanjakan sebanyak RM26 juta sehari atau RM10 bilion setahun sekali gus sudah cukup membimbangkan kerana ia bersamaan dengan kos membina dua buah Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Sementara itu, Presiden Majlis Pnyalahgunaan Dadah Malaysia, Datuk Mohd. Yunus Pathi berkata, terdapat sembilan buah pusat perlindungan di bawah Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) yang memberikan rawatan pemulihan terhadap penagih dadah.

Beliau berkata, pihaknya mengenda-



RAWATAN bagi memulihkan penagih dadah yang semakin meningkat menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan sebanyak RM778.5 juta sejak 2011.

likan sebanyak 60 buah pusat pemulihan manakala terdapat lebih 60 buah pusat pemulihan diuruskan oleh agensi swasta.

“Kesemua pusat pemulihan itu dianggarkan mempunyai penghuni antara 3,000 hingga 4,500 penghuni setiap tahun,” ujarnya.

Beliau berkata, pihak pengurusan Pengasih menggunakan konsep mengkaji latar belakang penagih terlebih dahulu sebelum meneruskan proses rawatan bagi menghilangkan ketagihan.

Tambahnya, penagih dadah yang



GAMBAR menunjukkan Pusat Pemulihan Penagih Narkotik di Telong Bachok, Kelantan.

mendapatkan rawatan di pusat itu juga dikehendaki melakukan aktiviti seperti gotong-royong selain mempelajari ilmu agama.

Penagih Malaysia belanja RM10 bilion setahun beli dadah

Ada penagih tegar sanggup habiskan sehingga RM500 sehari untuk beli bahan terlarang

PEDEDAHAN *Kosmo!* mengenai kegiatan sindiket dadah antarabangsa yang menggunakan laman web untuk mengedar bahan terlarang di membidan sebarang ia akan meningkatkan perbelanjaan penagih



KERATAN *Kosmo!* semalam.

INFO Perbelanjaan pemulihan penagih dadah

TAHUN	KOS PERBELANJAAN
2011	RM116.8 juta
2012	RM122.5 juta
2013	RM128.8 juta
2014	RM131.7 juta
2015	RM134.7 juta
2016	RM144 juta
JUMLAH	RM778.5 juta